

1976
KUALA LUMPUR, 23 NOV. (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI,
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU SEDANG MEMIKIR
CARA-CARA MENOLONG PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI UNITED KINGDOM
YANG MENGHADAPI MASALAH KENAIKAN BAYARAN PELAJARAN.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA PADA MASA INI
BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN OLEH PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA
DI SANA TELAH NAIK BERLIPATGANDA.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA DI SINI SEKEMBALINYA DARI LAWATAN TIDAK RASMI KE
LONDON BAHAWA BAYARAN YANG DIKENAKAN MENINGKAT DARI £400
SETAHUN KEPADA £800 HINGGA £1,000 SETAHUN.

KATANYA, BUKAN SAHAJA £93 SEBULAN YANG PERLU DIBAYAR
OLEH SETIAP PELAJAR ITU TIDAK MENCIKUPI MALAH HARGA BARANG-BARANG
TERMASUK MAKANAN TELAH JUGA NAIK.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, NILAI ELAUN
£93 SEBULAN ITU SEKARANG MERUPAKAN HANYA 80 PERATUS DARI
NILAI YANG LAMPAU. -- BERSAMBUNG HM 2050

££

B677

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

"KITA MESTI Mencari JALAN MENOLONG MEREKA," KATANYA.

MENGENAI KEGIATAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI,
DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK TAHU SAMADA TERDAPAT PELAJAR
DARI MALAYSIA TERLIBAT DENGAN KEGIATAN KOMINIS.

"JIKA MEREKA TERLIBAT, TINDAKAN DISIPLIN AKAN DIAMBIL
KETIKA MEREKA KEMBALI KE TANAH AIR NANTI," TAMBAHNYA. --
BERNAMA HM 2052